



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (4 APRIL 2023) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalu-alukan pemansuhan hukuman mati mandatori bagi 11 kesalahan. Keputusan tersebut sejajar dengan usaha advokasi Suruhanjaya serta Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan kerangka komprehensif untuk melindungi kebebasan asasi semua rakyat Malaysia.

SUHAKAM berbangga dengan penglibatan Pesuruhjaya dan mantan Pesuruhjaya sebagai ahli Jawatankuasa Khas untuk Mengkaji Hukuman Alternatif Kepada Hukuman Mati Mandatori dalam memberikan input kepada Rang Undang-undang tersebut. Suruhanjaya menghargai semua ahli Jawatankuasa atas usaha mereka ke arah penggubalan undang-undang yang penting ini.

SUHAKAM percaya bahawa penghapusan hukuman mati mandatori merupakan suatu langkah positif ke arah ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT).

-TAMAT-

Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

4 April 2023